

PELAN INDUK KECEMERLANGAN 2022-2026

PENGENALAN

Pelan Pembangunan IAB bermula pada tahun 2003 dengan dokumen Perancangan Strategik IAB 2003- 2010. Dalam tempoh tersebut, IAB memberi fokus kepada tujuh matlamat strategik dan menumpukan kepada usaha untuk memantapkan fungsi IAB.

Pada tahun 2009, IAB membuat semakan semula pelan pembangunan organisasi meskipun Perancangan Strategik IAB 2003-2010 belum berakhir. Ini adalah kerana IAB memberi fokus kepada lima bidang keberhasilan utama yang baharu untuk pengurusan latihan yang lebih mantap.

Lanskap Premier Centre IAB 2012-2016 pula memperbaharui misi dan visi IAB. Dalam Lanskap Premier Centre tersebut, IAB menyenaraikan tujuh bidang keberhasilan utama dan enam subbidang keberhasilan.

Pelan Induk Kecemerlangan IAB 2017-2021 meneruskan kecemerlangan Lanskap Premier Centre IAB 2012-2016 dengan memberi fokus kepada pembangunan kompetensi dalam latihan dan memperkasakan domain Pengupaya sebagai sokongan kepada bidang keberhasilan utama.

Pelan Induk Kecemerlangan IAB 2022-2026 mendepani cabaran Gelombang VUCAH dan era digital dengan memperbaharui nilai perkhidmatan dan kaedah latihan yang berasaskan aplikasi dalam talian.



Rajah 1: Kronologi Pelan Induk Kecemerlangan IAB



Rajah 1 : Pelan Induk Kecemerlangan IAB

OBJEKTIF

Pelan Induk Kecemerlangan (PIK) Institut Aminuddin Baki (IAB) 2022-2026 memberi fokus kepada pembangunan kompetensi dalam latihan dan memperkasakan domain Pengupaya sebagai sokongan kepada bidang keberhasilan utama. Pelan ini berasaskan kepada tiga (3) Bidang Keberhasilan Utama atau Key Result Area (KRA) iaitu

- i. Latihan dan Pembangunan
- ii. *Master Trainer*
- iii. Pusat Rujukan.

Tiga (3) bidang keberhasilan utama ini pula disokong oleh enam sub-bidang Keberhasilan Utama atau *Sub-Key Result Area* (Sub-KRA) yang terdiri daripada:

- i. Pembangunan Individu
- ii. Pembangunan Organisasi
- iii. Pembangunan *Master Trainer*
- iv. Pengurusan Pengetahuan
- v. Jaringan dan Kolaboratif
- vi. Penyelidikan dan Pembangunan.

Pengupaya menjadi pemangkin bagi menggerakkan tiga (3) Bidang Keberhasilan Utama dan enam (6) sub-bidang dalam PIK ini. Elemen utama dalam Pengupaya ialah:

- i. Pengurusan Kewangan
- ii. Pengurusan Infrastruktur
- iii. Pengurusan Infostruktur; dan
- iv. Pengurusan Sumber Manusia

Latihan dan Pembangunan

Membangun dan meningkatkan keupayaan kepimpinan pendidikan melalui dua Subbidang Keberhasilan Utama iaitu Pembangunan Individu (Individual Development) dan Pembangunan Organisasi (Organizational Development).

Master Trainer

Membangun jurulatih profesional dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan melalui dua inisiatif Pembangunan *Master Trainer* iaitu Pembangunan Profesional (Professional Development) serta Pentaksiran dan Pensijilan (Assessment and Certification).

Pusat Rujukan

Menjadi pusat rujukan kepimpinan dan pengurusan pendidikan melalui tiga Subbidang Keberhasilan Utama iaitu Penyelidikan dan Pembangunan, Jaringan dan Kolaboratif serta Pengurusan Pengetahuan.

Gabungan kesemua elemen di atas akan memastikan PIK IAB mencapai hasrat yang dicita-citakan.

PELAKSANAAN

Pelaksanaan Pelan Induk Kecemerlangan IAB dijemakan seperti dalam Rajah 2. Secara keseluruhan, PIK diharapkan dapat menghasilkan pemimpin pendidikan yang kompeten dan berwibawa.



Rajah 2: Sinergi Bidang keberhasilan Utama Pelan Induk Kecemerlangan IAB

PENCAPAIAN DAN IMPAK:

Pencapaian KPI bagi tahun 2023 diukur berdasarkan prestasi sehingga 1 Disember 2023. Analisis yang dilakukan menunjukkan 21 KPI telah melepasi sasaran. Berikut adalah jadual analisis pencapaian objektif PIK sehingga 1 Disember 2023:

Jadual 1: Analisis Pencapaian Objektif bagi 28 KPI PIK sehingga 1 Disember 2023

PENCAPAIAN	BILANGAN	Peratus
Melepasi sasaran	22	78.6%
Belum mencapai sasaran	6	21.4%
Jumlah	28	

PIK 2022-2026 yang memberi fokus kepada pembangunan kompetensi pemimpin pendidikan dan memperkasakan domain pengupaya sebagai sokongan kepada bidang keberhasilan utama telah memberi impak yang positif dimana 78.6% KPI telah melepasi sasaran. Peningkatan kompetensi pemimpin pendidikan di pelbagai peringkat (sekolah/PPD/JPN/KPM) menunjukkan IAB telah melaksanakan sesi latihan dan pembangunan individu dengan berkesan. Ini dapat dilihat dari aspek peningkatan pentauliah *Certified Trainer*, *Certified Coach* dan *Certified Master Trainer* dalam kalangan pensyarah IAB dan juga pemimpin-pemimpin pendidikan di KPM. Peningkatan sesi konsultasi telah menunjukkan keterampilan para pensyarah dalam memberi bimbingan dan menjadi *coach* dan konsultan yang kompeten sehingga dapat meningkatkan pembangunan kompetensi pemimpin pendidikan dan organisasi yang dibimbing. Selain peningkatan dalam penyelidikan, penulisan dan kolaboratif dengan pihak luar KPM dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan, IAB juga telah meningkatkan jaringan dan kolaboratif di peringkat antarabangsa. Kecemerlangan IAB tidak mungkin dapat dicapai tanpa sokongan pengupaya yang mengurus pengetahuan, mengurus kewangan, mengurus sumber manusia dengan berkesan serta menyediakan infrastruktur yang kondusif dan sistem infostruktur yang berkualiti.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN:

Bagi melestarikan kecemerlangan IAB, usaha meningkatkan pensyarah *versatile* dalam kalangan pensyarah muda dan baharu sangat diperlukan bagi menggantikan pensyarah yang telah dan akan bersara. Latihan dan bimbingan secara komprehensif kepada pensyarah muda dan baharu ini dapat meneruskan kesinambungan pensyarah *versatile* yang memiliki personaliti unggul (*towering personality*), pensyarah sebagai pengamal profesional (*professional practitioner*), pensijilan diiktiraf oleh badan profesional dan mengamalkan *professional learning network*. Selain itu, pensyarah *versatile* adalah jurulatih dan penyelidik kompeten, pemberi khidmat konsultasi dalam pembangunan organisasi, aktif melaksanakan penulisan, penerbitan dan sentiasa melaksanakan penambahbaikan

berterusan. Pensyarah *versatile* akan menjadi tunggak utama kepada latihan kepimpinan dan pengurusan pendidikan yang berimpak tinggi.

Pendekatan sesi latihan perlu memanfaatkan infrastruktur digital selaras dengan perkembangan teknologi dan penerapan elemen *Human Governance* bagi memberi kesedaran dan mengubah pemikiran pemimpin pendidikan tentang peranan sebenar mereka sebagai insan dan berupaya menjadi pemimpin kepada diri sendiri dan orang lain. Selain itu, modul-modul latihan perlu dikemaskini mengikut perubahan masa dan situasi supaya pendekatan penyampaian dapat memberikan pengalaman bermakna. Strategi pembelajaran menggunakan Modul Pembelajaran Aktif (MPA) yang mengambil kira pengalaman peserta, aktiviti reflektif dan pelibatan penaakulan praktikal diperluaskan supaya latihan diikuti di IAB berupaya memberi pengalaman pembelajaran bermakna kepada peserta.

RUMUSAN :

Sebagai sebuah institusi latihan pengurusan dan kepimpinan pendidikan, IAB telah berjaya membangunkan keupayaan pengurus dan pemimpin pendidikan di semua peringkat KPM bagi menghasilkan organisasi pendidikan yang berkualiti selaras dengan aspirasi negara untuk menjadi negara maju mengikut acuan sendiri.